

TARIKH	SABTU, 1 JUN 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	THAILAND, FILIPINA TEROKA TEKNOLOGI REAKTOR NUKLEAR KECIL
M/S	27
BIDANG	NUCLEAR
KATA KUNCI	NUCLEAR POWER PLANT, PHILIPPINE, THAILAND

Thailand, Filipina teroka teknologi reaktor nuklear kecil

Bangkok: Thailand dan Filipina meneruskan rancangan untuk membangunkan reaktor nuklear menjelang dekad akan datang susulan meningkatnya momentum di Asia Tenggara ke arah membina loji jana kuasa nuklear pertama di rantau ini.

September ini, Thailand dijadual memperkenalkan rancangan tenaga nasional merangkumi pelan sehingga 2037, yang dijangka menggabungkan reaktor nuklear modular kecil (SMR). Menurut pegawainya, kerajaan akan meneliti tapak berpotensi untuk reaktor itu, yang akan menyumbang kepada kapasiti bernilai 70 megawatt (MW).

Thailand pernah mempertimbangkan pembangunan tenaga nuklear sejak 2000, tetapi krisis 2011 di loji Fukushima Daiichi Jepun menyebabkan usaha itu ditangguhkan, namun perkembangan SMR menghidupkan semula minat Bangkok terhadap kuasa nuklear.

SMR menjana kuasa kurang daripada reaktor konvensional, tetapi ia dianggap lebih selamat, dengan Amerika Syarikat (AS),

United Kingdom dan China antara negara yang berlumba-lumba membangunkannya.

Washington pada November 2022 berkata, ia akan menyediakan sokongan teknologi SMR kepada kerajaan Thailand yang ketika itu diketuai Perdana Menteri, Prayuth Chan-ocha.

Perdana Menteri Thailand sekarang, Srettha Thavisin, berkata beliau membincangkan kemungkinan melancarkan kuasa nuklear dengan Setiausaha Perdagangan AS, Gina Raimondo, apabila mereka bertemu di Bangkok pada 14 Mac.

Srettha berkata, Thailand akan menyelidik keselamatan SMR dan mengadakan tinjauan pendapat awam.

Promosikan tenaga nuklear

Thailand mempromosikan tenaga nuklear kerana gas asalnya semakin merosot manakala keperluan elektrik negara itu berkembang pesat seiring dengan ekonominya.

Bangkok berjanji untuk menjadi negara neutral karbon menjelang 2050, sekali gus me-



Loji nuklear Bataan yang siap dibina tetapi tidak beroperasi di Luzon, Filipina. (Foto AGENSI)

nyemarakan penerokaan sumber kuasa yang stabil untuk menggantikan gas dan arang batu.

Filipina, yang menghadapi cabaran sama, merancang untuk mengendalikan stesen nuklear komersial pada awal 2030.

Manila dan Washington menandatangani perjanjian mengenai kuasa nuklear awam pada November 2023 yang membenarkan pemindahan bahan, peralatan dan maklumat nuklear antara kedua-dua negara.

Filipina cuba membina loji nuklear Bataan di Luzon di bawah bekas Presiden Ferdinand Marcos Sr, namun terbengkalai akibat gerakan prodemokrasi negara itu pada 1986, yang membawa kepada kejatuhan Marcos dan bencana nuklear Chernobyl pada

tahun sama.

Indonesia, negara terbesar di Asia Tenggara dengan lebih 270 juta penduduk, merancang untuk memasang kapasiti nuklear 1,000 hingga 2,000 MW menjelang awal 2030.

Arang batu pada masa ini menyumbang kira-kira 60 peratus daripada campuran sumber kuasa, dengan Indonesia menyarankan menjadi neutral karbon menjelang 2060.

Kerajaan tentera Myanmar juga sedang bekerjasama dengan Russia dalam pembangunan nuklear, yang merisaukan sesetengah pihak mengenai risiko teknologi nuklear digunakan untuk tujuan ketenteraan.

Setakat ini, tidak ada loji nuklear komersial yang beroperasi di Asia Tenggara. AGENSI

DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM